



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PROGRAM *I CARE FOR YOU*
PERINGKAT DUN LENDU

TARIKH: 9 JANUARI 2022 (AHAD), MASA: 10:00 PAGI
DI BALAI RAYA SOLOK DUKU, MASJID TANAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Selamat Tahun Baharu 2022.

Terima kasih saudara pengacara majlis;

YBrs. Encik Megat Azlani bin Megat Ramli,
Pengarah Pembangunan Negeri Melaka;

YBrs. Ustaz Azrul Azli bin Azmi,
Imam Masjid DUN Lendu;

YBrs. Encik Nizam bin Dawood,
Penghulu DUN Lendu;

Seterusnya Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan dan Keselamatan Kampung DUN Lendu;

Tuan-tuan, Puan-puan, Muslimin dan Muslimat yang
dirahmati Allah SWT sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, sempena hari ke-6 Jamadil Akhir bagi tahun 1443 Hijrah ini, marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberi nikmat kesihatan yang baik, sekaligus berkesempatan untuk hadir ke majlis pada pagi ini sempena Program ***I Care For You peringkat DUN Lendu.***

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung tahniah di atas semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Melaka (SDO) atas inisiatif menjayakan Program *I Care For You* yang melibatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan penduduk DUN Lendu ini.

3. Semangat dan hubungan dua hala seumpama ini amat diperlukan agar segala tujuan dan matlamat untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Melaka dapat dicapai. Tahniah diucapkan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

PROGRAM I CARE FOR YOU

4. Program *I Care for You* ini adalah merupakan satu inisiatif yang yang diambil oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui SDO Melaka untuk lebih cakna dan prihatin terhadap nasib golongan yang berstatus miskin dan miskin tegar di Negeri Melaka. Sebagaiman yang saya selalu sebut di dalam ucapan-ucapan saya sebelum ini, '**no one is left behind**', tiada seorang pun yang sepatutnya dan layak menerima bantuan diketepikan atau tertinggal daripada menerima bantuan.

5. Saya difahamkan, melalui program ini, bantuan-bantuan awal berbentuk wang tunai dan peralatan atau barangan asas telah disalurkan secara serta merta kepada golongan yang berkelayakan seperti golongan miskin, miskin tegar, Orang Kurang Upaya (OKU), pesakit kronik dan golongan yang ditimpa bencana termasuk banjir yang berlaku baru-baru ini.

Saudara dan saudari,

6. Pada hari ini, saya dimaklumkan, kita akan memberi sumbangan berbentuk wang tunai sebanyak **RM500** kepada **40 orang Ketua Isi Rumah (KIR)** yang berstatus miskin dan miskin tegar.

7. Konsep kongsi rezeki kemakmuran seumpama ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban dan melambangkan keharmonian pelbagai kaum yang terdapat di Negeri Melaka. Semoga dengan konsep seumpama ini dapat mensejahtera dan memakmurkan lagi Negeri Melaka.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

KOMITMEN KERAJAAN DALAM MENCAPAI SIFAR MISKIN TEGAR TAHUN 2025

8. Peningkatan Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional (PGKN) telah memberi impak besar kepada kerajaan khususnya di Negeri Melaka. Berdasarkan kepada rekod pada tahun-tahun sebelumnya, Negeri Melaka telah mencapai sifar miskin tegar sama ada miskin tegar bandar atau miskin tegar luar bandar.
9. Walau bagaimanapun, setelah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 diguna pakai, Melaka telah merekodkan sebanyak **3,633** Ketua Isi Rumah (KIR) yang berstatus miskin tegar. Hal ini sedikit sebanyak

telah menimbulkan kegusaran Kerajaan Negeri terhadap peningkatan jumlah Ketua Isi Rumah yang berstatus miskin tegar ini.

10. Justeru, bagi menangani masalah sifar miskin tegar ini, Kerajaan Negeri Melaka berserta dengan Pejabat Pembangunan Negeri Melaka (SDO) sedang merangka inisiatif-inisiatif baharu sama ada program jangka masa pendek mahupun program jangka masa panjang bagi mentransformasi pendekatan untuk membasmi kemiskinan di Negeri Melaka.
11. Semoga dengan adanya inisiatif-inisiatif baharu yang sedang dirangka ini, Negeri Melaka sekali lagi dapat

mencapai sifar miskin tegar menjelang tahun 2025 nanti.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

PENUTUP

12. Saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Melaka, Pengerusi-pengerusi JPKK serta JAPERUN Lendu di atas penganjuran program pada hari ini.

13. Terima kasih juga kepada semua penerima sumbangan yang hadir pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran semua telah menyerikan lagi majlis yang penuh bermakna ini. Kepada semua penerima sumbangan yang diraikan pada pagi ini, semoga dengan kehadiran dan interaksi seumpama ini sedikit sebanyak hasrat kerajaan dalam menyampaikan amanah kepada rakyat telah dilaksanakan. Alhamdulillah.

14. Akhir kata, semoga program-program seumpama ini dapat terus dilaksanakan dan diperkasa lagi pada masa hadapan. Insya-Allah. Semoga program pada

hari ini membawa keberkatan dan keredaan Allah SWT.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-TAMAT-